

PENGUNAAN BUKU SAYA SAYANG JAWI MENINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR DALAM MEYAMBUNG HURUF TUNGGAL JAWI

Oleh

MUHDYATUL ANAM BINTI MAHMUD
atolavender@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan membantu murid mempertingkatkan penguasaan kemahiran penulisan dalam menyambung huruf-huruf tunggal jawi melalui penggunaan "Buku Saya Sayang Jawi". Responden kajian terdiri daripada dua orang murid dalam Tahun 3 di salah sebuah sekolah di bandaraya Kuching. Data dikumpul melalui analisis dokumen, ujian pra, ujian pasca, pemerhatian dan temu bual dan dianalisis menggunakan analisis pola, analisis kuantitatif dan analisis kandungan. Triangulasi kaedah dan penyelidikan dilaksanakan untuk menyemak data. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian yang positif dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Malah, setiap kali penggunaan buku ini untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kedua-dua murid begitu seronok menggunakan buku ini. Ini jelas menunjukkan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru menggunakan "Buku Saya Sayang Jawi" mampu meningkatkan minat pelajar dalam proses pembelajaran serta mengukuhkan kefahaman mereka. Selain itu, buku ini mampu memberikan kesan positif terhadap kemampuan responden dalam meningkatkan kemahiran penulisan menyambung huruf-huruf tunggal jawi. Pengkaji akan mengaplikasikan kaedah ini kepada murid yang menghadapi masalah yang sama dalam bidang jawi pada masa akan datang.

Kata kunci: Buku Saya Sayang Jawi, huruf tunggal jawi, menyambung huruf tunggal jawi, kesan positif, mengukuhkan kefahaman

ABSTRACT

This study was conducted to help pupils in improving their skills in connecting Jawi's letters based on Buku Saya Sayang Jawi. Two pupils in Primary Three from a school in Kuching participated in this study. The data was collected through the pre-test and post-test method, document analysis, observations, and interviews and then analyzed using content analysis and pattern analysis. Method and persons' triangulation were used to check the data. The result showed both pupils who were weak in connecting Jawi's letters have improved positively in their post-test compared to the pre-test. This clearly showed that the using of this book could boost student's interest and enhance their understanding. As a result, this book could provide positive impacts towards pupils' ability in writing skills, especially in connecting Jawi's letters. Hence, the researcher intended to apply this method to other pupils who have the same problem in Jawi's writing in the future.

Keywords: Buku Saya Sayang Jawi, Jawi's letter, connecting Jawi's letters, positive impacts, boost student's interest

PENGENALAN

Konteks


Saya merupakan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dengan Kepujian Pengajian Agama Pendidikan Rendahambilan Januari 2009 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL). Sepanjang saya menuntut ilmu di IPG KBL, saya telah menjalani tiga kali latihan praktikum di sekolah yang berlainan. Pada praktikum fasa fasa tiga, saya telah menjalani latihan praktikum di Sekolah Kebangsaan Manchester (nama samaran) selama tiga bulan. Sekolah Kebangsaan Manchester merupakan sebuah sekolah yang terletak di sekitar bandaraya Kuching. Kebanyakan murid di sekolah ini berasal dari kawasan di sekitar Kuching dan Kota Samarahan dan daripada keluarga yang berpendapatan sederhana dan tinggi. Saya berpraktikum di sekolah ini dari 30 Januari hingga 20 April 2012. Semasa melaksanakan praktikum di sekolah ini, saya telah diberikan tugas untuk mengajar kelas Tahun 2, Tahun 3 dan juga Tahun 5. Setelah dua minggu berinteraksi dan menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P), saya mendapati dua orang murid daripada Tahun 3 Ronaldo (nama samaran) agak lemah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam terutamanya dalam bidang pelajaran jawi. Melalui semakan hasil kerja murid, saya mendapati bahawa murid menghadapi masalah dalam menyambung huruf tunggal jawi dan mereka keliru sama ada huruf tersebut boleh disambung ataupun tidak. Justeru itu, saya membuat keputusan untuk membantu mereka dalam masalah menyambung huruf tunggal jawi. Sebagai seorang guru, tugas mengajar murid sememangnya merupakan amanah yang telah diberikan kepada saya. Kegagalan murid menguasai kemahiran tersebut berkait rapat dengan kelemahan sesi P&P saya. Lantaran itu, saya telah membuat satu inovasi dalam sesi P&P saya dengan memperkenalkan "Buku Saya Sayang Jawi" bagi mengatasi masalah dalam menyambung huruf tunggal jawi.

Isu Keprihatinan

Berapa ramai individu yang akan mengatakan bahawa mereka dapat menulis perkataan dalam tulisan jawi dengan betul? Bidang pelajaran jawi selalunya mendatangkan pandangan negatif bukan sahaja dalam kalangan orang dewasa malahan kanak-kanak juga akan mengatakan bahawa susah untuk menulis perkataan dalam tulisan jawi. Semasa sesi P&P pertama bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 3 Ronaldo, saya telah menggunakan BBM berupa kad perkataan yang ditulis dalam tulisan jawi dan memberikan lembaran kerja kepada murid yang ditaip dalam tulisan jawi. Melalui pemerhatian saya, terdapat segelintir murid sahaja yang pandai membaca serta menulis dalam tulisan jawi, di mana apabila disuruh membaca kad perkataan, terdapat murid yang tidak dapat membacanya. Malah, murid-murid juga didapati keliru antara huruf jawi dan huruf hijaiyah atau huruf Bahasa Arab.


Pelajaran Jawi adalah sebahagian daripada komponen Pendidikan Islam dan mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan pendekatan pengajaran dua waktu seminggu pada enam bulan pertama di tahun satu. Walau bagaimanapun, setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, usaha-usaha untuk memulihkan tulisan jawi telah banyak dilaksanakan. Namun, pelaksanaannya masih jauh daripada apa yang diharapkan seperti yang dinyatakan oleh Mohd. Mokhtar Shafii di dalam buku Pendekatan Pengajaran Jawi Che Siah Che Man (2006). Oleh itu, murid sepatutnya sudah menguasai kemahiran tulisan jawi sejak dari Tahun Satu lagi. Namun,
*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

berdasarkan kepada Rajah 1 dan 2, murid masih tidak dapat menyambung huruf tunggal jawi. Data ini diperoleh daripada lembaran kerja yang saya berikan pada 14 Febuari 2012 bagi bidang pelajaran jawi.



Rajah 1: Hasil Kerja Syamsiah (nama samaran) (14 Febuari 2012)

Syamsiah telah membuat kesilapan dalam keempat-empat soalan yang diberikan. Berdasarkan jawapan yang diberikan, Syamsiah didapati melakukan penyambungan huruf pada huruf yang tidak boleh disambung dan selepasnya iaitu huruf hamzah (ء). Contohnya, bagi soalan kedua, huruf yang diberikan adalah huruf sin (س), huruf alif (ا), huruf hamzah (ء), huruf ya (ي), huruf nun (ن) dan huruf sin (س) untuk membentuk perkataan "Sains" (سائنس). Syamsiah telah menyambung huruf hamzah (ء) kepada huruf alif (ا). Ini menunjukkan bahawa Syamsiah tidak mengetahui huruf-huruf tunggal jawi yang boleh disambung atau tidak dan ini membuktikan bahawa Syamsiah tidak tahu bagaimana menyambung huruf apabila berada di awal ayat, di tengah ayat dan juga di hujung ayat.



Rajah 2: Hasil Kerja Syamsul (nama samaran) (14 Febuari 2012)

Syamsul juga membuat kesilapan bagi keempat-empat soalan yang diberikan. Berdasarkan jawapan yang diberikan, Syamsul melakukan kesilapan yang sama seperti Syamsiah. Akan tetapi, apabila meneliti jawapan yang diberikan oleh Syamsul bagi soalan kedua, Syamsul mengetahui huruf tunggal jawi yang boleh disambung ataupun tidak (seperti yang dibulatkan pada Rajah 2), cuma Syamsul keliru bentuk huruf apabila huruf berada di awal ayat, di tengah ayat atau di hujung

ayat. Contohnya, Syamsul tidak menyambung huruf hamzah kepada huruf sebelumnya atau selepasnya kerana huruf hamzah adalah satu-satunya huruf yang tidak boleh disambung sama ada sebelum atau selepas huruf tersebut. Tetapi, Syamsul membuat kesilapan pada penulisan bentuk huruf ya (ﻱ) pada soalan ketiga. Ini membuktikan Syamsul mengalami masalah keliru dalam menulis bentuk huruf pada kedudukan yang berbeza dalam ayat.

Kekeliruan dalam menyambung huruf tunggal jawi dan bentuk huruf jawi pada sesuatu perkataan adalah faktor utama kegagalan kedua-dua orang murid yang dinyatakan menguasai kemahiran menyambung huruf tunggal jawi. Ini telah menjadi isu keprihatinan saya. Saya tertarik untuk membantu mereka berdua meningkatkan kemahiran asas penulisan jawi. Ini adalah satu cabaran yang besar bagi saya kerana rata-rata murid di sekolah ini tidak dibiasakan menulis dalam tulisan jawi sama ada menyalin nota ataupun lembaran kerja dan saya bersemangat untuk menyahut cabaran ini. Saya berhasrat agar saya berupaya membantu kedua-dua orang murid ini. Oleh itu, fokus kajian ini adalah untuk mengaplikasikan “Buku Saya Sayang Jawi” dalam proses P&P dan mengenal pasti kesan pengaplikasian buku tersebut dalam meningkatkan minat murid dalam penulisan jawi.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan penggunaan “Buku Saya Sayang Jawi” dalam usaha:

- a) Untuk menarik minat murid mempelajari tulisan jawi
- b) Meningkatkan kemahiran membezakan huruf yang boleh disambung dan tidak boleh disambung dalam penulisan Jawi dalam kalangan murid Tahun Tiga.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- a) Adakah penggunaan “Buku Saya Sayang Jawi” dapat menarik minat murid terhadap pelajaran tulisan jawi?
- b) Sejauhmana penggunaan “Buku Saya Sayang Jawi” dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menyambung huruf-huruf tunggal dalam jawi?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Tulisan jawi merupakan medium asas untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia pada hari ini terutama dalam pembelajaran Al-Quran (Kang Kyoung Seouk, 1990 dalam Nik Rosila Nik Yaacob, 2007). Penguasaan murid dalam tulisan jawi sangat penting dalam mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Menurut Nik Rosila Nik Yaacob (2007), terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan jawi dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. Ini kerana buku teks Pendidikan Islam serta ujian tahunan murid ditulis menggunakan tulisan jawi. Ini telah menarik perhatian saya untuk memperkenalkan “Buku Saya Sayang Jawi” dalam membantu murid saya menyambung huruf tunggal jawi dan mengetahui bentuk huruf pada kedudukan yang berbeza dalam ayat. Terdapat tiga langkah perancangan tindakan yang saya jalankan:

LANGKAH 1: (Mengenalpasti masalah murid)

Saya mengumpul beberapa data penting yang diperlukan untuk bahan kajian saya bagi mengenak pasti masalah yang dihadapi oleh murid. Saya memberikan lembaran kerja kepada murid dan mengarahkan murid untuk menyiapkan lembaran kerja yang diberikan.

LANGKAH 2:(Mengumpul maklumat mengenai murid)


Saya menjalankan sesi P&P seperti biasa di kelas Tahun 3 Ronaldo iaitu kelas responden saya. Semasa pengajaran:-

1. Saya akan memerhatikan tahap tumpuan murid-murid terhadap proses P&P.
2. Mengenalpasti murid yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti P&P.
3. Memberi soalan (lembaran kerja) berkaitan pembelajaran semasa langkah penilaian pembelajaran.

Selepas sesi pengajaran berakhir, guru perlu menyemak lembaran kerja yang dilakukan oleh murid dan guru mengisi borang pemarkahan mengenai tahap kefahaman murid-murid terhadap pengajaran dan peratusan murid yang dapat menjawab dengan tepat. Setelah menyemak lembaran kerja murid, guru memilih beberapa orang murid untuk ujian pra. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada keputusan ujian pra.

LANGKAH 3: (Pembinaan Bahan Bantu Mengajar: “Buku Saya Sayang Jawi”)

Seterusnya, saya akan membina BBM yang digunakan ketika menjalankan kajian. Buku yang saya hasilkan iaitu “Buku Saya Sayang Jawi” dihasilkan menggunakan aplikasi *microsoft office power point*. Buku ini dihasilkan dengan memuatkan visual serta ilustrasi seperti kartun bagi menarik perhatian murid agar menjadikan buku ini sebagai kamus bergerak mereka (rujuk rajah 3).



Rajah 3: Buku Saya Sayang Jawi yang Saya Hasilkan

Buku Saya Sayang Jawi ini memfokuskan kepada kaedah menulis huruf tunggal jawi, sama ada huruf tunggal tersebut boleh disambung ataupun tidak. Buku ini dihasilkan sendiri oleh saya dengan merujuk kepada buku-buku yang terdapat di pasaran mengenai penulisan huruf jawi sama ada huruf tersebut terletak di awal ayat, di pertengahan ayat ataupun di penghujung ayat. Apa yang saya lihat, buku-buku yang terdapat di pasaran tersebut tidak begitu sesuai untuk dijadikan rujukan oleh murid di sekolah. Walaupun terdapat banyak buku berkaitan penulisan jawi, setelah meneliti beberapa buah buku yang terdapat di pasaran, saya telah membuat inovasi terhadap buku yang pengkaji lain hasilkan. Rasional saya untuk membuat inovasi terhadap buku ini adalah untuk menarik perhatian sampel kajian saya yang terdiri daripada kanak-kanak dan sudah tentu kanak-kanak sukakan sesuatu yang berkaitan dengan minat mereka dan juga sesuatu yang berwarna-warni. Jenkins, Neale dan Deno (1967) melaporkan bahawa pelajar lebih berjaya mengenal stimuli yang ditayangkan dalam bentuk gambar daripada perkataan.

Antara inovasi saya terhadap buku ini adalah saya meletakkan gambar serta ilustrasi yang menarik seperti gambar kartun pada buku bagi menarik minat murid. Jika buku di pasaran hanya memberi contoh mengenai cara menulis setiap huruf jawi di awal, di pertengahan ataupun di hujung perkataan, berbeza pula dengan "Buku Saya Sayang Jawi". Ini kerana buku ini turut memuatkan huruf-huruf jawi yang tidak boleh disambung selepasnya yang dihasilkan dalam ilustrasi yang menarik dan berwarna-warni.

Malah, pada buku ini juga saya menambah bahagian contoh-contoh perkataan bagi setiap huruf berdasarkan kedudukan huruf tersebut dalam sesuatu perkataan. Malah, buku ini juga dihasilkan dalam bentuk buku kecil yang boleh dibawa ke mana-mana sahaja dan bertindak sebagai kamus bergerak kepada murid. Di permulaan buku ini menerangkan mengenai huruf-huruf yang terkandung dalam penulisan jawi iaitu terdapat 28 huruf serta tujuh huruf tambahan jawi untuk disesuaikan dengan perkataan dalam Bahasa Malaysia. Pengenalan kepada huruf-huruf asas jawi ini juga dihasilkan dalam bentuk yang menarik serta berwarna-warni. Sebelum mengajar murid bagaimana menulis huruf jawi yang boleh disambung dan tidak, saya memperkenalkan kepada murid mengenai huruf-huruf yang terdapat dalam penulisan jawi. Sebelum murid belajar cara menyambung huruf jawi di awal, di pertengahan dan di hujung perkataan, murid akan diajar asas mengenali huruf-huruf jawi.

Kemudian, saya menyuruh murid untuk menunjukkan huruf jawi yang saya sebut, dan murid menggunakan plastisin bagi menunjukkan huruf tunggal jawi. Setelah murid mempelajari huruf-huruf tunggal yang terkandung dalam penulisan jawi, di pertengahan muka surat murid akan ditunjukkan dengan bagaimana menyambung huruf jawi di awal, di pertengahan dan juga di hujung perkataan contohnya untuk huruf ghain (غ). Penulisan huruf (غ) apabila berada di awal perkataan adalah seperti berikut (غ), di tengah perkataan pula adalah (غ) manakala di hujung perkataan pula adalah seperti berikut (غ) dan perbezaan penulisan pada kedudukan yang berbeza ini ditunjukkan dalam bentuk jadual seperti pada rajah 4 berikut:

صبر	كرتس	رومقوت	ر
كبد	أبدى	داجو	د
استاد	صغور	ذات	ذ
من/فوتوس	صامبون	سوسو	س
عرس	مكاركت	كرك	ك
كاسين	مقاصود	صالح	ص
جوسين	قضاء	صعب	ص
حفظ	بطل	طاعة	ط
نظم	حفظن	ظهر	ظ
شعر	معرفة	خورة	خ

Rajah 4: Petikan Jadual Dari "Buku Saya Sayang Jawi" Menunjukkan Contoh Kedudukan Huruf Di Awal, Pertengahan Dan Di Hujung Setiap Perkataan.

Kemudian, barulah murid tersebut akan ditunjukkan dengan contoh-contoh huruf yang ditulis di awal, di pertengahan dan di hujung perkataan, contohnya bagi huruf (ا). Contoh penulisan huruf (ا) di hadapan, (ايم), di tengah perkataan (ياجو) dan di hujung perkataan (جاوا). Selain itu, buku ini juga menunjukkan kepada murid contoh-contoh huruf yang tidak boleh disambung selepasnya iaitu huruf (ذ), huruf (ل), huruf (ز), huruf (ز), huruf (د), huruf (ذ) dan huruf (ر).

Pelaksanaan Tindakan


LANGKAH 1: (Mengetahui Huruf Tunggal Jawi)

Masalah murid yang tidak menguasai huruf tunggal jawi sememangnya suatu cabaran buat saya dalam melaksanakan kajian ini kerana murid akan terkeliru dengan huruf hijaiyah. Sebagai contoh, bagi huruf (ج), dalam penulisan jawi disebut sebagai *Jim* namun murid menyebut huruf tersebut sebagai *Ja*. Saya cuba mengulangi semula huruf-huruf tunggal jawi kepada murid-murid dengan memberikan lembaran kerja. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ahmad (2008), kaedah pengulangan memberikan kesan yang baik dan hendaklah dilakukan secara berturutan. Pengukuhan terhadap pengecaman huruf-huruf tunggal jawi dilakukan dengan menunjukkan kad huruf dan murid meneka apakah huruf tersebut. Langkah ini dilakukan supaya murid-murid dapat mengimbas kembali huruf-huruf yang telah dipelajari dan murid dapat membezakan antara sebutan huruf jawi dan huruf hijaiyah.

LANGKAH 2: (Melaksanakan kaedah)

Saya mengaplikasikan penggunaan buku yang saya hasilkan di luar waktu kelas. Pada sesi perjumpaan kali ini, saya akan menggunakan buku yang saya hasilkan untuk menyiapkan lembaran kerja yang diberikan. Saya akan mengaplikasikan penggunaan buku ini secara maksimum semasa menjalankan sesi perjumpaan bersama responden. Semasa sesi pengajaran, saya juga akan:-

1. Saya memerhatikan tahap tumpuan murid-murid terhadap proses P&P
2. Mengetahui pasti bilangan murid yang masih tidak memberi penumpuan.
3. Memberi soalan (lembaran kerja) berkaitan pembelajaran semasa langkah penilaian pembelajaran.
4. Murid akan menyemak sendiri hasil kerja yang diberikan agar mereka dapat mengenal pasti kesalahan yang dilakukan.



Rajah 5: Buku Kredit Saya

Selepas sesi pengajaran berakhir, guru sekali lagi perlu menyemak lembaran kerja yang dilakukan oleh murid dan guru mengisi borang pemarkahan iaitu "Buku Kredit Saya" (rujuk rajah 5) mengenai tahap kefahaman murid-murid terhadap pengajaran dan peratusan murid yang dapat menjawab dengan tepat. Guru memberikan pemarkahan kepada murid dengan memberikan cop terhadap setiap latihan yang berjaya dijawab dengan betul.

LANGKAH 3: (Menganalisis data)

Selepas selesai sesi kajian terhadap subjek (murid), saya akan mengumpul semua data-data dan menyusun data-data tersebut dalam bentuk jadual yang senang

dianalisis. Saya akan memastikan segala data dan pembolehubah-pembolehubah yang diperlukan mencukupi dan mengikut spesifikasi yang diperlukan.

Terdapat pindaan dalam pelaksanaan tindakan pada 4 Julai 2012. Saya telah memanjangkan masa pelaksanaan tindakan saya daripada 10 minit kepada 20 minit dan selalunya saya menjalankan kajian di luar waktu kelas namun pada tarikh ini, saya menjalankan kajian saya di dalam kelas ketika sesi P&P Pendidikan Islam. Hal ini demikian kerana saya menjalankan ujian pasca terhadap responden saya. Justeru, saya menggunakan masa tersebut untuk menjalankan ujian pasca terhadap responden saya.


METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan saya dan dua orang murid Tahun 3 Ronaldo. Selari dengan definisi penyelidikan tindakan, saya juga merupakan peserta kajian. Dua orang murid terdiri daripada seorang murid lelaki seorang murid perempuan iaitu Syamsul dan Syamsiah merupakan responden terhadap kajian tindakan saya. Purata umur mereka ialah sembilan tahun. Prestasi pencapaian akademik mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam terutamanya dalam bidang jawi adalah lemah.

Etika Penyelidikan

Sebelum memulakan kajian, terlebih dahulu saya memohon kebenaran daripada pihak sekolah. Kemudian, saya mendapatkan kebenaran daripada kedua-dua responden saya secara bertulis. Mereka telah mengisi surat persetujuan penyertaan kajian. Penerangan diberikan agar mereka memahami objektif dan hak sebagai peserta kajian. Rajah 6 menunjukkan contoh surat persetujuan penyertaan murid.



Rajah 6: Contoh Surat Persetujuan Penyertaan Murid

Teknik Mengumpul Data

Dalam kajian ini, saya telah menggunakan empat jenis instrumen pengumpulan data. Empat jenis instrumen berkenaan adalah ujian pra, ujian pasca, temu bual dan pemerhatian. Saya menggunakan instrumen ujian pra dan temu bual sebelum sesi rawatan ke atas kedua-dua responden kajian. Semasa proses kajian dijalankan pula, saya menggunakan dua lagi instrumen iaitu ujian pasca dan pemerhatian. Selepas kajian selesai dijalankan, saya menggunakan instrumen temu bual.

a) Ujian Pra

Saya menggunakan ujian pra untuk tujuan mendapatkan pengetahuan sedia ada responden. Sebelum Ujian Pra dilaksanakan, saya telah mengenalpasti responden

melalui pemerhatian pada waktu pengajaran pertama Pendidikan Islam serta dikukuhkan lagi bersama keputusan peperiksaan penggal 1 responden yang diperoleh daripada unit peperiksaan sekolah ini.

b) Pemerhatian

Dalam kajian ini, saya telah menggunakan cara ini bagi memudahkan pengkaji mencatat sebarang perubahan dan perkembangan responden secara langsung. Saya akan menulis dan mencatatkan segala perubahan perlakuan responden, perasaan responden dan pengkaji, gangguan yang berlaku dan sebagainya dalam catatan pemerhatian saya. Pemerhatian telah dijalankan oleh saya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk pemerhatian ketika murid menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru.

c) Analisis Dokumen

Saya juga telah menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mengumpul data. Antara dokumen yang telah saya analisis adalah seperti buku rekod kemajuan murid, buku aktiviti jawi murid dan latihan yang diberikan pada setiap hari. Ini bagi mengenal pasti sejauh mana perkembangan murid dan menilai keberkesanan teknik yang telah digunakan.

d) Ujian Pasca

Ujian Pasca seperti dilaksanakan di akhir kajian selepas kaedah yang dipilih digunakan dan diaplikasikan oleh pengkaji bersama responden yang telah dipilih. Ujian pasca bertujuan mengesan peningkatan setelah P&P dijalankan. Pencapaian dalam ujian pasca ini akan dibandingkan dengan pencapaian responden dalam ujian pra.

e) Temu Bual

Dalam temu bual, saya telah memilih temu bual separa struktur demi memperoleh maklumat lanjut dan pandangan daripada peserta. Contoh soalan temu bual yang saya kemukakan pada 18 Julai 2012 setelah tindakan diambil seperti pada rajah 7 di bawah:

Guru : Syameul dan Syameiah, ustazah nak tanya awak berhua. Kamu suka belajar Pendidikan Islam ke?
Syameul : Ya. Saya suka (ambil terseenyum).
Syameiah: Suka
Guru : Awak berhua suka belajar tulisan jawi?
Syameiah : (diam...senyum...senyap...dan memandang ke atas).
Syameul: Mun sik susah gilak, suka.
Guru : Syameiah, kenak awak sik suka belajar tulisan jawi?
Syameiah: Sebab tulisan jawi susah gilak, ustazah.
Guru : Syameul, kenak awak suka belajar tulisan jawi?
Syameul: Kadang-kadang saya suka belajar jawi. Kadang-kadang sik sebab tulisan jawi susah gilak ustazah dengan sik pandei molah kerja rumah jawi.
Guru : Taak sik macam nei nyambung huruf jawi?
Syameul : sik taak gilak.
Syameiah: Mun huruf senang, taak.

Tema ditentukan melalui jawapan yang diberikan oleh murid

Rajah 7: Transkrip Temu Bual Bersama Responden (18 Julai 2012)

Teknik Menganalisis Data

Saya telah menggunakan analisis kandungan, analisis pola, dan analisis kuantitatif untuk mencari dan menyusun maklumat yang dikumpul serta mempersembahkan data. Saya menganalisis catatan melalui pemerhatian menggunakan analisis kandungan. Semasa menganalisis, saya menandakan perkara-perkara yang dianggap penting dan berhubung dengan soalan-soalan penyelidikan tindakan saya pada catatan pemerhatian yang saya lakukan. Contoh analisis data catatan pemerhatian dipersembahkan pada rajah 8 di bawah:

AKTIVITI	CATATAN
<p>- Menyambung huruf-huruf tunggal jawi</p>	<p>Hanya sebilangan murid sahaja kelihatan berminat untuk belajar jawi. Ini dapat dilihat melalui penglibatan mereka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran jawi berjalan.</p> <p>Terdapat sebilangan murid yang tidak memberi respon dan tidak membaca perkataan yang saya tulis pada kad perkataan kerana menggunakan tulisan jawi.</p> <p>Apabila saya menyuruh beberapa orang murid mengeja perkataan pada kad perkataan, sebilangan daripada mereka mengeja huruf jawi tersebut dengan ejaan huruf hijayah. Contohnya, (ع) Jim kepada Ja.</p> <p>Sebilangan murid lagi apabila diminta menulis di papan tulis, saya dapati murid kurang berkeyakinan seperti teragak-agak untuk menulis di antara huruf yang boleh dan tidak boleh disambung, serta mengulangi memadam perkataan yang telah ditulis.</p>

Saya menandakan isi penting yang terdapat pada pemerhatian saya.


Rajah 7: Contoh Analisis Kandungan Catatan Pemerhatian

Ujian pra dan ujian pasca pula memberi gambaran tentang penguasaan responden terhadap kemahiran menyambung huruf tunggal jawi. Ini dianalisis berdasarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul dan perbandingan markah yang diperoleh kedua-dua responden dalam ujian pra dan ujian pasca. Perbandingan antara ujian pra dan ujian pasca dianalisis menggunakan analisis pola. Julat markah digunakan untuk mengira markah responden demi menentukan perbandingan pencapaian kedua-dua responden dalam ujian pra dan ujian pasca. Julat perbandingan pencapaian kedua-dua responden dalam ujian pra dan ujian pasca ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Julat perbezaan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Menyambung Huruf-Huruf Tunggal Jawi


Responden	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)	Julat (%)
Syamsul	60	80	20
Syamsiah	20	60	40

Berdasarkan jadual 1 di atas, kedua-dua responden telah menunjukkan julat perbezaan markah yang besar dalam ujian pra dan ujian pasca. Peningkatan markah yang diperoleh oleh responden dalam ujian pasca menunjukkan bahawa penggunaan "Buku Saya Sayang Jawi" membawa kesan positif kepada responden dalam menyambung huruf-huruf tunggal jawi. Perbandingan antara markah ujian pra dan pasca ini juga ditunjukkan melalui rajah 8 di bawah:



Rajah 8: Perbandingan Markah Responden Ujian Pra dan Pasca

Bagi temu bual pula, saya menggunakan analisis kandungan dengan cara membaca semula transkrip temu bual dan menandakan perkara penting. Selepas itu, saya mengenal pasti tema yang terdapat pada transkrip temu bual. Analisis kandungan untuk transkrip temu bual boleh dirujuk pada rajah 9 di bawah:



Rajah 9: Analisis Transkrip Temu Bual Dengan Responden

Teknik Menyemak Data

Dalam penyemakan data, saya menggunakan triangulasi kaedah dan triangulasi sumber untuk membina keyakinan terhadap kesahan dan kebolehpercayaan data yang saya kumpulkan dan analisis. Saya memilih triangulasi antara kaedah iaitu penggunaan kaedah yang berbeza untuk mengumpul data daripada peserta penyelidikan tindakan saya yang sama. Kaedah berbeza yang digunakan adalah ujian pra, ujian pasca, kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual seperti yang dinyatakan dalam teknik mengumpul data. Saya juga menggunakan triangulasi penyelidik dengan mendapatkan bantuan daripada rakan saya bagi pengumpulan data.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Sejauhmana penggunaan “Buku Saya Sayang Jawi” dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menyambung huruf-huruf tunggal dalam jawi?

Hasil keseluruhan kajian mendapati pengaplikasian “Buku Saya Sayang Jawi” dalam penulisan jawi telah meningkatkan pencapaian responden kajian dalam ujian yang dijalankan. Berdasarkan kepada instrumen pengumpulan data yang

digunakan iaitu perbandingan antara ujian pra dan ujian pasca membuktikan bahawa berlakunya peningkatan keputusan murid dalam ujian pasca berbanding dengan ujian pra. Sebagai contoh bagi Syamsul iaitu responden pertama mendapat 60% pada ujian pra dan pada ujian pasca, keputusan Syamsul meningkat sebanyak 20% iaitu 80% markah bagi ujian pasca. Manakala, bagi Syamsiah iaitu responden kedua pula, berlaku peningkatan sebanyak 40% pada ujian pasca iaitu sebanyak 60% berbanding keputusan ujian pra Syamsiah yang hanya mendapat 20% markah.

Selain daripada pemilihan kaedah yang sesuai dalam kajian ini, faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian responden dalam kajian ini ialah faktor keprihatinan daripada pengkaji sendiri. Saya mendapati responden lebih memahami dan mengingati apa yang disampaikan kerana ia disampaikan secara berperingkat dan diberikan pengukuhan dan bimbingan secara langsung dari masa ke semasa oleh saya melalui penggunaan “Buku Saya Sayang Jawi” yang telah dijalankan. Faktor lain adalah daripada kesungguhan responden sendiri dalam menjalankan setiap latihan yang diberi juga banyak membantu mereka dalam meningkatkan penguasaan dalam menyambung huruf-huruf tunggal jawi dengan baik. Selain itu, faktor kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh murid sepanjang pelaksanaan kajian tindakan ini juga menjadi penyumbang penting bagi menjayakan kaedah yang telah dipilih oleh saya untuk mencapai objektif kajian ini.

Adakah penggunaan “Buku Saya Sayang Jawi” dapat menarik minat murid terhadap pelajaran tulisan jawi?

Sebelum mempelajari kaedah menyambung huruf jawi menggunakan “Buku Saya Sayang Jawi” ini, responden memberikan maklum balas yang negatif dalam mempelajari dan menulis tulisan jawi ini. Tindak balas ini diperoleh ketika menjalankan temu bual bersama responden. Antara faktor yang telah dinyatakan oleh responden ketika sesi temu bual adalah faktor kesusahan dalam menulis jawi dengan betul terutama dalam menyambung huruf-huruf tunggal jawi.

Walau bagaimanapun, setelah penggunaan buku ini diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, responden mula menunjukkan maklum balas yang positif dari masa ke semasa dalam penulisan jawi. Ia dapat dilihat secara langsung oleh saya melalui pemerhatian sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas di mana responden melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran guru yang berkaitan dengan tulisan jawi. Selain itu, dapatan temu bual yang telah dilaksanakan terhadap responden selepas kajian ini dijalankan menunjukkan responden menyukai kaedah yang telah dilaksanakan oleh pengkaji. Malah “Buku Saya Sayang Jawi” yang dibekalkan oleh pengkaji disayangi oleh responden dan sentiasa dibawa bersama semasa mata pelajaran Pendidikan Islam berlangsung.

Refleksi Penilaian Tindakan

Pada peringkat awal pelaksanaan penggunaan buku ini, responden kurang minat dalam P&P bidang jawi khususnya dalam menyambung huruf tunggal jawi. Walau bagaimanapun, keadaan berubah apabila mereka mengetahui tentang tujuan

tindakan ini dan apabila mereka mula merasakan penggunaan buku ini mampu meningkatkan kemahiran penulisan jawi mereka.

Kekuatan penggunaan buku ini adalah murid dapat membawa buku ini ke mana sahaja kerana saiznya yang kecil, malah buku ini berfungsi sebagai kamus bergerak kepada murid. Malah, melalui buku ini juga murid dapat melihat cara penulisan huruf jawi dan cara menyambung huruf tersebut untuk membentuk perkataan. Murid juga mendapat bimbingan secara langsung daripada guru dan keyakinan diri murid bertambah. Seterusnya buku ini dapat mengasah potensi murid dan dapat melahirkan sifat kepimpinan dalam kalangan murid kerana murid diamanahkan untuk menjaga buku yang diberikan kepada mereka supaya sentiasa dalam keadaan yang elok. Buku ini mampu melahirkan sikap berani mencuba dalam kalangan murid melalui latihan yang diberikan oleh guru dan menambah minat murid untuk belajar kerana tertarik dengan ilustrasi yang terdapat pada buku. Peningkatan penguasaan murid dalam menulis perkataan jawi amat membantu saya dalam memperbaiki amalan professional dalam bilik darjah. Lanya juga sekaligus dapat mempertingkatkan minat murid untuk belajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini kerana, mereka faham isi kandungan pelajaran yang disampaikan oleh guru kerana mereka telah pandai mengeja, membaca dan seterusnya menulis dalam tulisan jawi. Malah, saya juga menggunakan BBM yang ditulis dalam tulisan jawi dan ini menarik perhatian murid kerana mereka akan bersaing untuk membaca perkataan tersebut dengan betul.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Melalui penyelidikan tindakan ini, saya memahami bahawa murid memerlukan perhatian daripada guru. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Samsudin Md Noor (2009), pendekatan yang berkesan ialah murid diberikan perhatian, dan pujian jika mereka melakukan sedikit perubahan ke arah kebaikan. Oleh itu, saya telah memberikan ganjaran berupa hadiah kepada murid yang mendapat markah tinggi sebagai penghargaan kepada mereka.

Kejayaan seseorang guru dalam usaha untuk meningkatkan prestasi murid tidaklah semata-mata bergantung kepada kemahiran menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang pelbagai sahaja. Keberkesanan P&P dalam bilik darjah juga berkait rapat dengan kefahaman guru tentang peranan mereka yang sebenar, personaliti guru dan pemilihan sumber pengajaran yang sesuai dengan minat mereka di samping perancangan yang teliti dan menyeluruh.

Penyelidikan tindakan bukan sahaja membantu anak murid saya, tetapi turut meningkatkan amalan sesi pengajaran dan pembelajaran saya. Pelaksanaan penyelidikan tindakan membolehkan saya memahami kekuatan dan kelemahan diri dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian tindakan merupakan asas kepada tindakan yang lebih berkesan dalam mempertingkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran khususnya dalam kalangan murid yang mengalami masalah pembelajaran. Saya akan meneruskan amalan penyelidikan tindakan dan sentiasa meningkatkan amalan sendiri terutamanya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran demi menghasilkan pendidikan yang berkualiti.

Cadangan Tindakan Untuk Kitaran Seterusnya

Daripada tindakan yang telah dijalankan, penggunaan "Buku Saya Sayang Jawi" ini sangat membantu meningkatkan kemahiran menulis jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. Penggunaan "Buku Saya Sayang Jawi" dijadikan sebagai kamus

bergerak yang sentiasa membantu murid dalam meningkatkan kemahiran menulis dari masa ke semasa. Penggunaan kaedah seperti ini perlu diberikan pendedahan awal supaya murid tidak menghadapi masalah pada tahap yang seterusnya.

Antara cadangan untuk kajian seterusnya adalah pengkaji boleh menggabungkan penggunaan buku ini dengan kaedah yang lain seperti kaedah bermain. Kaedah ini boleh dijalankan dan diterapkan dalam bentuk permainan supaya pengajaran lebih menyeronokkan murid.

Cadangan kedua adalah dalam aspek instrumen pengumpulan data. Saya mencadangkan agar kajian akan datang dapat menggunakan kaedah yang lebih sistematik dan mempunyai kesahan data yang tinggi. Contohnya menambahkan penggunaan instrumen pengumpulan data seperti menggunakan instrumen rakaman dan fotografi serta menggunakan analisis dokumen hasil kerja murid bagi mengenal pasti dan menganalisis kesilapan murid dari masa ke semasa supaya penambahbaikan dapat dilakukan secara langsung selepas sesuatu pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Cadangan ketiga adalah dengan memperkenalkan buku ini kepada setiap murid di sekolah rendah terutamanya bagi murid-murid yang baru masuk ke Tahun Satu. Dengan ini, aktiviti-aktiviti asas menulis dapat diterapkan dalam diri mereka. Ini dapat membiasakan mereka melihat bentuk huruf dan cara menulis huruf-huruf jawi dengan betul. Cadangan keempat adalah dengan melaksanakan penggunaan buku ini secara berpasangan atau berkumpulan. Dengan adanya interaksi yang berkesan antara kumpulan, semangat kerjasama dan saling membantu dalam kalangan mereka dapat diterapkan. Murid-murid yang menunjukkan peningkatan prestasi yang cepat berpeluang membantu murid-murid lain yang masih di tahap lemah atau sederhana.

Cadangan seterusnya adalah berkaitan dengan aspek masa. Bagi memantapkan penulisan huruf tunggal jawi, perjumpaan yang kerap antara pengkaji dan responden mampu membantu meningkatkan penggunaan buku ini dalam kemahiran penulisan murid dengan lebih baik dari masa ke semasa. Ini kerana aspek bimbingan yang berterusan akan memberikan impak yang lebih baik kepada murid berbanding bimbingan yang berkala.

RUJUKAN

Ahmad Mohd. Salleh, (2008), *Siri Pendidikan Guru Pengajian Agama Islam & j-QAF Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, Oxford Fajar Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan.

Che Siah Che Man (2006). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Haji Samsudin bin Md Noor. (2005). *Pengurusan Bilik Darjah Dinamik Ke Arah Pembinaan Modal Insan Berkualiti*. Diperoleh September 8, 2012 [Atas talian]:

<http://www.google.com.my/search?hl=en&q=pengurusan+bilik+darjah&btnG=Search&meta=cr%3DcountryMY> online on 14/03/2008).

www.sabah.edu.my/skpmtdon/notes/PENGURUSAN BD.pdf – online on
1/4/08

Joseph R, Neale, Daniel C, Deno, Stanely L. (1967). "Differential Memory For Picture And Word Stimuli", *Journal of Educational Psychology*, Vol 58(5), Oct 1967, 303-307.

Kang Kyoung Seouk. (1990). *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Rosila Nik Yaacob, (2007) *Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam*. *Malaysian Journal of Educators and Education*, 22 . pp. 161-172